

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Pulau Labuan tidak dijadikan pusat operasi utama Pusat Kewangan Luar Pesisir Pantai dengan mensyaratkan semua syarikat-syarikat yang berdaftar untuk beroperasi penuh di Labuan seperti pusat-pusat yang lain di dunia bagi memastikan ekonomi spin off di Labuan terhasil dengan maksimumnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Entiti-entiti Labuan yang didaftar atau dilesenkan di bawah undang-undang Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre [Labuan IBFC]) menjalankan perniagaan melalui pejabat berdaftar mereka di Pulau Labuan. Sejak penubuhan Labuan sebagai IBFC pada tahun 1990, bilangan keseluruhan syarikat berdaftar atau dilesenkan sehingga akhir bulan Mac 2015 adalah sebanyak 12,709 syarikat.

Aktiviti perniagaan Labuan IBFC melibatkan pelanggan dari seluruh pelusuk dunia. Oleh yang demikian, perniagaan Labuan perlu juga berada di luar Labuan untuk berhubung dengan pelanggan mereka yang berada di luar Labuan dan bagi memudahkan aktiviti ini, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) telah membenarkan pembukaan pejabat pemasaran di luar Labuan. Walau bagaimanapun, Labuan FSA telah menetapkan syarat, khususnya entiti Labuan yang menjalankan aktiviti pelesenan di mana mereka diwajibkan membuka pejabat utama mereka di Pulau Labuan.

Sehingga Mac 2015 sebanyak 804 entiti telah dilesenkan oleh Labuan FSA dan entiti-entiti ini kesemuanya mempunyai pejabat operasi

sepenuhnya di Pulau Labuan. Sehingga kini, jumlah kakitangan yang berkhidmat di sektor aktiviti perbankan dan insurans sahaja adalah berjumlah 1,442 orang. Labuan FSA juga telah melesenkan 39 syarikat amanah yang telah disyaratkan untuk menubuhkan pejabat penuh di Pulau Labuan.

Dengan kewujudan entiti-entiti Labuan IBFC di Pulau Labuan dan hasil daripada operasi yang di jalankan secara tidak langsung telah menyumbang kepada economic "spin-off" untuk Pulau Labuan. Terdapat peningkatan kepada permintaan untuk ruang pejabat dan perkhidmatan profesional lain seperti perakaunan dan audit. Selain itu, entiti-entiti ini telah mewujudkan peluang-peluang perkerjaan secara langsung dan tidak langsung di Pulau Labuan.